

INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
ARAS 1 -3, BLOK 2250, JALAN USAHAWAN 1,  
63000 CYBERJAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03 – 8312 6600 Faks: 03 – 8312 6655

“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

MEMO ANTARA JABATAN/ BAHAGIAN

Kepada : 1. Semua Pengarah Pusat/Sektor  
2. Semua Ketua Jabatan  
3. Semua Ketua Unit  
4. Ketua Penolong Pengarah Pusat/Sektor/Jabatan

Daripada : Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia

Rujukan Kami : KP(IPG) 8787/100/1/1 Jld.4 ( \ \ )

Tarikh : 22 Julai 2016

Perkara : **PEMANTAPAN PENGGUNAAN EMEL 1GOVUC IAITU  
DOMAIN @ipgm.edu.my SEBAGAI EMEL RASMI  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN INSTITUT PENDIDIKAN  
GURU MALAYSIA (IPGM)**

YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBrs. Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan surat siaran Bahagian Pengurusan Maklumat Bilangan 1 Tahun 2013 : Pemantapan Penggunaan Sistem Mel Elektronik di Agensi-Agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertarikh 8 Mei 2013 (rujuk lampiran).

3. Untuk makluman YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, masih terdapat pegawai dan kakitangan IPGM yang menggunakan domain emel bukan rasmi seperti *gmail*, *hotmail* dan *yahoo* untuk urusan rasmi kerja harian. Perkara ini adalah bercanggah dengan surat arahan Ketua Pengarah MAMPU – Pemantapan Penggunaan dan Pengurusan E-Mel bertarikh 1 Julai 2010. Pihak MAMPU bertanggungjawab untuk membayar bil utiliti emel bagi domain @ipgm.edu.my setelah pengesahan penggunaan dibuat oleh Pentadir Emel / Pegawai Teknologi Maklumat bagi setiap bulan. Sehingga kini, bil utiliti bagi IPGM adalah sekitar RM 94,000.00.

4. Tatacara dan tanggungjawab pengguna adalah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. Permohonan akaun emel dibuat secara rasmi menggunakan Borang Permohonan Email Kementerian yang boleh diperolehi dari Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi;

- ii. Menggunakan salah satu domain sahaja, sama ada @ipgm.edu.my atau @moe.gov.my kerana kedua-dua domain dibayar;
- iii. Saiz storan peti mel diperuntukan seperti berikut :

Saiz storan	Gred jawatan
500 MB	40 dan ke bawah
1GB	41 - 44
2GB	48 -53
4GB	54 dan ke atas

- iv. Peruntukan kemudahan pakej kepada pengguna adalah seperti berikut :

Pakej	Harga	Gred Jawatan
A	RM 11.50	=>11
B	RM 14.00	=>41
C	RM 16.00	=>54

- v. Akaun yang diwujudkan boleh dipinda, ditambah, ditarik balik atau dibatalkan sekiranya berlaku salah satu perkara berikut :
- Pemilik akaun bertukar keluar dari IPGM;
  - Pemilik akaun bersara/pencen;
  - Pemilik akaun berhenti/diberhentikan dari perkhidmatan;
  - Akaun emel 1GovUC tidak aktif melebihi 90 hari;
  - Pemilik akaun cuti belajar atau cuti bersalin (*deactivate/disable*)

5. Sehubungan dengan itu, YBrs. Dr./ Tuan/ Puan diminta mengambil tindakan sewajarnya supaya pemantapan penggunaan emel rasmi IPGM yang menggunakan domain @ipgm.edu.my **SAHAJA** digunakan bagi tujuan rasmi kerja harian di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

6. Sebarang pertanyaan behubung perkara di atas, sila hubungi **Encik Muntasir bin Muaz** di talian **03-83126661** atau **Puan Mehkala Balasubramaniam** di talian **03-83126612**. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBrs. Dr./ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SEHATI SEJIWA"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



( Dr. AZIAN T.S. ABDULLAH )